



## “TAKUT KEPADA ALLAH”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَلِمَنْ خَافَ مَقَامَ رَبِّهِ جَنَّاتٍ ﴿٤٦﴾  
أَشْهَدُ أَنْ إِلَهَ لَا إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Sidang Jumaat yang Dirahmati Allah.**

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan penuh ketaatan, keyakinan dan keikhlasan. Iaitu dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa seterusnya berjaya serta selamat di dunia dan akhirat.



Pada hari yang mulia ini marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk: "**TAKUT KEPADA ALLAH**".

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Dari segi bahasa takut memberi maksud gentar, gerun, ngeri, kecut, berasa bimbang dan sebagainya. Ada pun takut atau takwa kepada Allah SWT bermaksud ketaatan dalam menjunjung segala perintah dan meninggalkan segala larangan Allah SWT. Sesungguhnya, orang-orang yang takut kepada Allah SWT itu sentiasa bimbang dan takut kemurkaan Allah SWT. Sifat mereka itu antaranya ialah bersegera dalam mengerjakan kebaikan. Mereka tidak mempersekutukan Allah SWT dengan yang lain. Mereka beriman kepada ayat-ayat Allah SWT dan mereka menafkahkan apa yang mereka miliki sedang hati mereka bimbang pemberian tersebut tidak diterima oleh Allah SWT. Sifat takut merupakan benteng bagi orang yang beriman. Sifat takut adalah penyelamat bagi orang beriman daripada melakukan maksiat. Sifat takut adalah pendorong bagi orang yang beriman untuk menjunjung segala perintah Allah serta menjauhi segala larangan Allah SWT.

Ringkasnya, sifat takut kepada Allah SWT yang dimiliki oleh seseorang Muslim amat besar manfaatnya dalam kehidupan seseorang insan yang beriman. Kerana itu, Rasulullah SAW sendiri turut bermohon doa supaya dikurniakan perasaan takut kepada Allah SWT.

Hadis daripada Ato' bin al-Saib RA bahawa Rasulullah SAW berdoa antaranya:

اللَّهُمَّ أَسْأَلُكَ خَشْيَتِكَ فِي الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ



*"Ya Allah! Aku bermohon akan perasaan takut kepada-Mu pada waktu (aku) tidak dilihat (orang) dan pada waktu (aku) dilihat."*

*(Riwayat An-Nasa'i).*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Sifat takut kepada Allah SWT itu terbahagi kepada dua: iaitu takut kepada Allah SWT sewaktu berada di khalayak ramai atau dilihat orang dan takut kepada Allah SWT sewaktu diri berada bersendirian. Inilah yang dimaksudkan oleh Nabi Muhammad SAW di dalam doa Baginda dengan *al-ghaib* iaitu pada waktu tidak dilihat oleh orang lain dan *ash-shahadah* iaitu pada waktu dilihat oleh orang lain.

Sesungguhnya wujud dalam diri seseorang insan bahawa sikap apabila dilihat orang maka dia menjauhi perkara maksiat atau perkara yang memalukan. Namun apabila bersendirian serta tidak dilihat oleh orang lain maka secara diam-diam dia melaksanakan perkara-perkara yang terlarang. Bahkan, wujud insan yang sedang melaksanakan perkara maksiat lalu dia meninggalkan perbuatan tersebut disebabkan bayi atau budak kecil yang sedang memerhatikannya. Persoalannya, mengapakah perasaan malu hanya wujud terhadap bayi atau budak kecil yang sedang memerhatikannya sedangkan Allah SWT itu Maha Melihat setiap perbuatannya? Sesungguhnya, Allah SWT Maha Mengetahui lagi Maha Melihat akan dosa-dosa hamba-Nya dan Allah SWT sekali-kali tidak lalai daripada apa yang dikerjakan oleh setiap makhluknya.

Rasulullah SAW mengingatkan kepada kita akan sikap di atas sebagaimana hadis daripada al-Thauban RA bahawa Baginda SAW bersabda yang bermaksud:

*"Akan datang suatu kaum pada hari kiamat dengan amalan yang banyak seperti Gunung Tihamah namun Allah SWT menjadikan amalan mereka itu*



*seperti debu yang berterbangan. Kata Thauban: Wahai Rasulullah! Sifatkan kepada kami ciri-ciri mereka supaya kami tidak menjadi sebahagian dari mereka sedang kami tidak mengetahuinya. Baginda SAW bersabda: Mereka itu saudara-saudara kamu, dari kalangan kaum keluarga kamu, mereka melakukan amalan pada malam hari seperti kamu tetapi apabila mereka bersendirian mereka menodai larangan-larangan Allah."*

*(Riwayat Ibnu Majah).*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Antara persoalan-persoalan yang boleh kita jadikan sebagai penilaian atau ukuran perasaan takut kita kepada Allah SWT ialah adakah kita merasakan takut, gentar atau merasakan keagungan Allah SWT apabila disebutkan nama-nama atau sifat-sifat Allah SWT? Adakah kita merasakan ngeri, kecut atau merasa bimbang apabila mengingatkan dosa-dosa terdahulu yang pernah kita lakukan atau dosa-dosa terkemudian yang mungkin kita akan laksanakan? Adakah kita mengurangkan dosa-dosa yang sering kita laksanakan kerana takut, bimbang dan tidak sanggup untuk menghadapi azab dan neraka Allah SWT? Adakah kita ngeri dan amat takut mati dalam keadaan dosa yang tidak diampun oleh Allah SWT.

Selain itu, antara tanda-tanda takut kepada Allah SWT yang boleh dimuhasabah dalam diri kita ialah:

**Pertama:** Lidah kita diperlihatkan dari berdusta, mengumpat, menyebarkan fitnah, berbual kosong dan banyak bercakap perkara sia-sia. Sesungguhnya, lidah orang yang takutkan Allah SWT sentiasa berzikir mengagungkan kebesaran Allah SWT, membaca al-Quran dan bermuzakarah dengan saling ingat memperingati.



**Kedua:** Hati kita terpelihara daripada sifat hasad dengki dan permusuhan kerana kedua-dua sifat tersebut akan menghapuskan segala pahala amal kebajikan.

**Ketiga:** Mata kita terpelihara dari memandang perkara-perkara haram serta tidak terpicat atau tertumpu kepada hal keduniaan semata-mata.

**Keempat:** Perut kita terpelihara daripada dipenuhi dengan hasil yang syubhah apatah lagi yang haram terkandung dalam makanan dan minuman kita.

**Kelima:** Tangan kita terpelihara dari digunakan untuk melaksanakan perkara-perkara haram sebaliknya kedua-dua tangan yang dimiliki digunakan untuk melaksanakan ketaatan kepada Allah SWT.

**Keenam:** Kaki kita terpelihara dari melangkah ke tempat maksiat sebaliknya kedua kaki yang dimiliki hanya melangkah ke tempat-tempat yang diredhai oleh Allah SWT.

**Ketujuh:** Segala amal dan ketaatan yang dilaksanakan kepada Allah SWT bukan dengan riak sebaliknya segalanya semata-mata dan ikhlas kepada Allah SWT.

Firman Allah SWT dalam surah al-Bayyinah ayat 5:

وَمَا أُمِرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ حُنَفَاءَ  
وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكَاةَ وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ ﴿٥﴾

*"Pada hal mereka tidak disuruh melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ketaatan kepada-Nya, dalam menjalankan agama yang*



*lurus dan supaya mereka mendirikan solat serta memberi zakat dan yang demikian itulah agama yang benar."*

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Takut kepada Allah SWT diikuti dengan mengharap kepada rahmat-Nya dan syurga-Nya. Begitu juga takut kepada Allah SWT diikuti dengan mengharap pengampunan-Nya dan dijauhkan dari neraka-Nya. Seseorang insan apabila melakukan ibadat kerana mengharapkan pahala tetapi tidak takut dan melakukan larangan-larangan Allah menjadikan ibadahnya adalah sia-sia.

Antaranya pengajaran daripada khutbah hari ini adalah:

**Pertama:** Umat Islam hendaklah menyuburkan keimanan atau keyakinan kepada Allah SWT, tentang adanya syurga, azab neraka, hisab serta hari pembalasan atau hari kiamat. Sesungguhnya, keimanan atau keyakinan tersebut dapat membuahkan rasa takut dan gerun kepada azab neraka dan mengharap kepada ganjaran syurga Allah SWT. Rasa takut dan harap ini kemudian menimbulkan sifat sabar dalam melaksanakan segala ketaatan dan sabar dalam menjauhi segala kemungkaran. Kemudian, timbulnya rasa tenang, yakin dan tawakal dalam diri insan terhadap Allah SWT.

**Kedua:** Umat Islam hendaklah sentiasa merenung, berfikir dan tadabbur terhadap janji baik dan janji buruk dari Allah serta sifat-sifat syurga dan neraka yang dinyatakan dalam al-Quran dan as-Sunnah. Kalau kita merenung azab-azab Allah SWT akan menimbulkan rasa takut kepada Allah diikuti dengan mengharap pengampunan-Nya serta dijauhkan diri kita daripada neraka-Nya. Begitu juga apabila kita merenung nikmat-nikmat Allah SWT nescaya akan menimbulkan rasa harap kepada syurga-Nya dan rasa takut tidak digolongkan dikalangan ahli syurga Allah SWT.



**Ketiga:** Umat Islam hendaklah sentiasa mempelajari, memahami dan mentadabbur nama-nama dan sifat-sifat keagungan, kemuliaan dan kehebatan Allah SWT. Sesungguhnya, Allah SWT itu Maha Pengampun, Maha Penyayang, Maha Pemberi Rezeki, Maha Adil dan Maha Bijaksana sama sekali tidak akan mensia-siakan segala ketaatan hamba-hamba-Nya dan sesiapa yang berbuat kebajikan walau seberat habuk nescaya akan dilihat dan dinilai oleh Allah SWT. Sesiapa berbuat kejahatan walau seberat habuk nescaya akan dilihat dan dinilai juga oleh Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِذَا ذُكِرَ اللَّهُ وَجِلَتْ  
قُلُوبُهُمْ وَإِذَا تُلِيَتْ عَلَيْهِمْ آيَاتُهُ زَادَتْهُمْ إِيمَانًا وَعَلَىٰ  
رَبِّهِمْ يَتَوَكَّلُونَ ﴿٢﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman itu ialah mereka yang apabila disebut nama Allah gementarlah hati mereka; dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat-Nya, menjadikan mereka bertambah iman, dan kepada Tuhan mereka jualah mereka berserah."

(Surah Al-Anfal: 2).



بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.





## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama islam. Sebaliknya seluruh umat islam amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ  
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ  
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ  
الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ  
وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ



سَلَاغُور، سُلْطَانُ شَرْفُ الدِّينِ ادریس شاه  
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانُ صَالِحُ الدِّينِ عبد  
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَاغُور، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرْفُ  
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَالِحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman syiah yang melampau dan Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي



الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكُرْكُمْ وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.